

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)12**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

12. Jadual operasi perkhidmatan feri dan perkhidmatan tren elektrik (ETS) tidak sepadan untuk awal pagi dan akhir hari. Bagaimanakah untuk menyelesaikan masalah ini?
- (a) Senaraikan statistik pengguna feri.
  - (b) Adakah feri dalam kerugian? Mengapa?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Terdapat sedikit ketidaksepadanan pada waktu awal pagi dan akhir hari antara jadual perkhidmatan operasi feri dengan perkhidmatan ETS. Hal ini berlaku kerana kedua-dua perkhidmatan ini mempunyai perbezaan dari segi sasaran pelanggan.

Jadual perkhidmatan feri ditetapkan berdasarkan kepada statistik pengguna feri mengikut waktu pergi/balik kerja di antara Seberang Perai dan George Town. Melalui pemerhatian, majoriti pengguna feri Pulau Pinang terdiri daripada penduduk Pulau Pinang yang berulang-alik ke tempat kerja, institusi pendidikan dan sekolah. Manakala perkhidmatan tren elektrik pula memberi tumpuan utama

kepada perkhidmatan lintas negeri antara negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kepada penelitian dan rekod oleh pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB), hanya tiga (3) masa perjalanan tidak sepadan iaitu pada pukul 12:20 (Northbound Train) (Arrival at Butterworth), 05:15 dan 06:30 (Southbound Train) (Departure from Butterworth). PPSB sedaya upaya menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk semua pengguna perkhidmatan feri. Sekiranya terdapat permintaan yang mencukupi, PPSB bersedia mempertimbangkan untuk menyemak semula jadual perjalanan feri Pulau Pinang.

- (a) Statistik pengguna feri mulai bulan Januari hingga bulan Oktober 2024 bagi penumpang pejalan kaki adalah sebanyak 1.76 juta penumpang manakala bagi kenderaan dua (2) roda adalah sebanyak 0.6 juta. Lampiran statistik penuh seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.
- (b) Berdasarkan kepada rekod kewangan PPSB, kos perkhidmatan feri baharu adalah melebihi daripada jumlah kutipan tiket feri. Namun begitu, PPSB tetap melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan yang berterusan untuk memberikan perkhidmatan feri yang terbaik kepada pengguna.

Dianggarkan perkhidmatan feri mengalami kerugian tahunan sekitar RM14 juta. Untuk gambaran kasar, kutipan tiket perkhidmatan feri hanya dapat menampung lebih kurang 35% daripada perbelanjaan kos perkhidmatan operasi feri. Antara faktor yang menyumbang kepada kerugian operasi feri ialah seperti berikut:

- (i) Kos minyak diesel yang tinggi yang dibayar mengikut harga pasaran dan tiada penyediaan subsidi minyak diesel diberi kepada perkhidmatan feri yang juga salah satu bentuk perkhidmatan awam yang utama di Negeri Pulau Pinang; dan
- (ii) Kos pemeriksaan tahunan dan penyelenggaraan yang wajib untuk menjamin keselamatan feri yang beroperasi serta bayaran kos insuran perkhidmatan yang melebihi RM2 juta untuk setiap feri setiap tahun.